



PPUKM3.10.4/322/2
Jun 2010

Pekeliling Jabatan Pentadbiran Am, PPUKM BIL. 6/2010

Semua
Ketua Jabatan
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

**PENGAMBILAN WHITE COAT UNTUK PAKAR DAN PEGAWAI PERUBATAN,
PUSAT PERUBATAN UKM.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa PPUKM telah menyediakan White Coat yang seragam untuk kegunaan Pakar dan Pegawai Perubatan. Kemudahan White Coat ini akan mula dilaksanakan pada **14 Jun 2010 (Isnin)**. Sehubungan itu, semua Pakar dan Pegawai Perubatan boleh mengambil White Coat di tempat seperti berikut :

Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
(Isnin – Ahad)
Tempat : Kaunter Bilik Panggilan, Tingkat 4, Blok Klinikal,
PPUKM.

3. Untuk makluman YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan Mesyuarat Pengurusan PPUKM Bil. 16/2010 bertarikh 7 Jun 2010 bersetuju bayaran deposit sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja) dikenakan kepada Pegawai Perubatan yang bukan kakitangan PPUKM (Pelajar Sarjana). Bayaran hendaklah dibuat di Jabatan Kewangan, PPUKM. Salinan resit perlu diserahkan kepada kakitangan bertugas semasa mengambil White Coat.

4. Bagi menjaga kebersihan White Coat ini kerja-kerja pencucian akan dilakukan setiap hari. Pakar dan Pegawai Perubatan perlu memulangkan White Coat setiap hari ditempat yang dinyatakan di atas supaya ia dapat dicuci. Kerja-kerja mencuci akan diuruskan oleh Jabatan Pentadbiran Am.

5. Sehubungan itu, mohon kerjasama YBhg. Prof./Dato'/Tuan/ untuk memaklumkan perkara ini kepada semua Pakar dan Pegawai Perubatan yang berada dibawah penyeliaan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MOHD JAMAL ALI

Ketua Penolong Pendaftar Kanan

- s.k. - Dekan dan Pengarah, PPUKM
- Timbalan Dekan Perkhidmatan Klinikal, PPUKM
 - Ketua Pegawai Operasi, PPUKM
 - Ketua, Jabatan Kewangan, PPUKM